



A Cenviro Company

## Jangan jadi 'pakar segera' kes kebakaran – Jaafar

**SEREMBAN 27 Feb.** - Jangan buat spekulasi atau menjadi 'pakar segera' dalam alam siber untuk menyebarkan maklumat mengenai kes kebakaran yang berlaku di Pusat Kualiti Alam di Bukit Nenas dekat sini hari ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Ketua Polis Negeri, Datuk Jaafar Mohd. Yusof yang mahu segala penyebaran maklumat tidak tepat dihentikan kerana kejadian tersebut tidak serius seperti digembar-gemburkan.

Beliau berkata, keadaan adalah terkawal dan orang ramai tidak perlu risau dengan kejadian yang berlaku ketika ini.

"Kepulan asap yang masih ada di lokasi kejadian adalah tindak balas ba-

han kimia air dengan buih.

"Keadaan di sini sudah terkawal dan kebakaran pun sudah hampir terpadam. Perbuatan (menyebarkan berita) seperti ini jelas boleh menakut-nakutkan orang ramai khususnya di kawasan berdekatan dan saya nasihatkan mereka hentikanlah perbuatan ini," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar lewat petang ini.

Yang turut hadir ialah Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri, Norazam Khamis dan Ketua Pegawai Eksekutif Kualiti Alam

Sdn. Bhd., Khalid Bahsoon.

Sementara itu, Khalid memberitahu, spekulasi yang menyatakan ada kakitangan di situ meninggal dunia akibat kebakaran adalah tidak benar sebaliknya 250 orang yang bekerja di situ terselamat.

Malah, beliau juga memuji kepantasan pihak bomba dan beberapa agensi kerajaan

lain yang turut bersama dalam operasi memadamkan kebakaran tersebut.

"Kerosakan yang berlaku akibat kebakaran ini adalah amat sedikit

dan kita akan menjalankan operasi seperti biasa selepas mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa," jelasnya.

Tinjauan orang ramai di kawasan berdekatan mendapati kejadian itu mengundang rasa tidak senang dalam kalangan mereka.

Seorang penduduk Taman Gadong Jaya, Mohd. Danny Sofian, 39, yang rumahnya terletak kira-kira enam kilometer dari pusat itu melahirkan rasa bimbang kesihatannya akan terjejas terutama terhadap anak-anaknya.

"Buat masa ini saya belum merasai sebarang kesan daripada pencemaran asap itu," katanya.

Media : Utusan Malaysia  
Date : 27 February 2015